

18/11/1998

Ketua negara Asean adakan pertemuan

KUALA LUMPUR: Ketua-ketua negara anggota Asean yang menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) di sini semalam, mengadakan rundingan berasingan untuk membincangkan isu ekonomi serantau.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu turut membincangkan cadangan Vietnam supaya Kemboja diterima sebagai anggota Asean.

Pemimpin Asean yang menyertai mesyuarat itu ialah Perdana Menteri Singapura, Goh Chok Tong, Pran Van Khai (Vietnam), Chuan Leekpai (Thailand); Presiden BJ Habibie (Indonesia), Presiden Joseph Estrada (Filipina) dan Sultan Hassanah Bolkiah (Brunei).

Mesyuarat bermula jam 11.15 pagi itu diadakan di Palace of Golden Horses, tempat Sidang Kemuncak Apec diadakan.

Sebelum itu, Perdana Menteri mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden Chile, Eduardo Frei Ruiz Tagle; Perdana Menteri Jepun, Keizo Obuchi dan Perdana Menteri New Zealand, Jenny Shipley.

Dr Mahathir juga mengadakan pertemuan dua hala dengan Presiden China, Jiang Zemin dan Hibibie.

Mengulas mengenai mesyuarat ketua kerajaan Asean itu, Menteri Luar, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata mereka sebulat suara mahu melihat Kerajaan Kemboja ditubuhkan sebelum diterima sebagai anggota pada Sidang Kemuncak Asean di Hanoi, Disember ini.

"Semua pemimpin Asean menyuarakan pandangan ingin melihat dahulu Kerajaan Kemboja ditubuhkan.

"Selepas kerajaan ditubuhkan, menteri luar Asean akan menilai dan mengadakan rundingan yang akan dipengerusikan oleh Menteri Luar Singapura," katanya.

Beliau berkata, tidak ada masa yang ditetapkan tetapi pemimpin Asean mahu melihat kerajaan Kemboja dapat ditubuhkan dan menyambut baik usaha Raja Sihanouk untuk menyelesaikan isu itu.

(END)